

‘Sidang akhbar’ untuk bangkitkan simpati

Ku Li jawab Mahathir

Oleh ZAINI HASSAN

KUALA LUMPUR 6 Nov. — Presiden Parti Melayu Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah hari ini menggunakan sentimen rendah diri dan taktik ‘orang teraniaya’ bagi menangkis semua tuduhan yang dilemparkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad terhadapnya.

Dalam satu kenyataan akhbar enam muka surat, Tengku Razaleigh menggambarkan dirinya sebagai orang yang menjadi mangsa kecaman pemimpin politik dan media tempatan.

[Reaksi Mahathir — muka 2]

Kenyataan itu mengetepikan sama sekali isu tuduhan ke atas diri beliau, sebaliknya mengaitkan orang lain, terutamanya Dr. Mahathir dalam setiap kegagalan yang membabitkan dirinya.

Ia ternyata bertujuan untuk menagih simpati terhadap diri dan partinya menjelang pilihanraya umum.

Dalam nada yang sinis, Tengku

Razaleigh juga membangkitkan soal bahawa beliau adalah anak Melayu jati yang tidak ada tempat lain untuk pergi.

Sambil menekan cintanya kepada negara dan bangsa, beliau menyifatkan segala tuduhan dan selaran bahawa dia tidak setia sebagai taktik lama mengalihkan perhatian rakyat daripada masalah lain menjelang pilihanraya.

Serentak dengan itu Tengku Razaleigh mencabar Dr. Mahathir membuktikan segala tuduhannya itu terutama sekali tuduhan bahawa beliau memburukkan nama Malaysia di luar negara.

Tentang tuduhan bahawa beliau adalah orang yang menyebarkan desas-desus kononnya hubungan Perdana Menteri dengan timbalannya retak, Tengku Razaleigh berkata: “Ini masalah mereka.”

Beliau menegaskan, serangan bertalu-talu terhadapnya kebelakangan ini adalah fitnah semata-mata dan lebih merupakan cubaan memburukkan orang yang dianggap musuh politik.

Dalam sidang akhbarnya hari

■ Lihat muka 2

Ku Li jawab Mahathir

ini untuk menjawab segala tuduhan yang dilemparkan terhadap beliau, Presiden Parti Melayu Semangat 46 itu mengakui ada kalanya terpaksa mengkritik kerajaan menerusi media massa asing.

Menurut beliau, sekiranya ada media massa luar memetik kritiknya itu, umum harus sedar bahawa kritikan itu bukan terhadap negara atau bangsa, tetapi terhadap segelintir individu yang tidak melaksanakan tanggungjawab dengan betul.

Bagi mempertahankan dirinya berhubung dakwaan mengatakan prestasi ekonomi negara buruk semasa dia menjadi Menteri Kewangan, beliau menjawab, baik dan buruk sesuatu ekonomi itu bukanlah semata-mata kerana beliau (sebagai Menteri Kewangan).

“Ertinya kalau orang mengkritik saya kerana prestasi ekonomi ketika itu tidak baik, maka ia turut mengkritik seluruh kerajaan ketika itu,” katanya.

Tengku Razaleigh membuat kenyataan mempertahankan diri ini pada sidang akhbar yang bertukar menjadi ceramah politik di ibu pejabat parti itu di sini. Selain wartawan, sidang akhbar itu dihadiri oleh penyokong-penyokong Semangat 46. Turut hadir di majlis itu ialah Naib Presiden parti itu, Datuk Suhaimi Kamaruddin dan Setiausaha Agungnya, Datuk Manan Osman.

Bagaimanapun, para wartawan tidak dibenarkan mengajui sebarang pertanyaan sebaik sahaja beliau selesai membacakan kenyataannya itu.

Dr. Mahathir ketika bercakap kepada pemberita baru-baru ini mendakwa Tengku

Razaleigh telah memburuk-burukkan negara dalam satu rancangan televisyen di Australia.

Selain itu, Dr. Mahathir juga mendakwa kerabat diraja Kelantan itu adalah dalang yang menyebarkan desas desus kononnya hubungannya (Dr. Mahathir) dengan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim retak.

Semasa menjawab soalan wartawan selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO Jumaat lepas, beliau turut mendakwa, semasa Tengku Razaleigh menjadi Menteri Kewangan, prestasi ekonomi negara adalah tidak baik dengan bebanan hutang dan pengangguran yang tinggi.

Tujuan memburukkan

Tengku Razaleigh semasa menjawab tuduhan itu menjelaskan beliau tidak pergi ke Australia untuk tujuan memburukkan negara melalui satu rancangan televisyen di negara itu sebagaimana yang didakwa oleh Dr. Mahathir baru-baru ini.

Beliau yang menyifatkan tohmahan itu sebagai fitnah berkata, kalau benar dia diperalatkan oleh media asing, biar rakyat saksikannya dan menilai bahagian manakah yang dikatakan beliau memburuk-burukkan negara.

“Sayapun ingin melihat program itu,” katanya yang menganggap tuduhan-tuduhan yang dilemparkan ke atasnya itu sebagai petanda bahawa pilihanraya umum sudah hampir.

Menyentuh mengenai dakwaan yang me-

ngatakan beliau adalah orang yang bertanggung jawab menyebarkan desas desus mengenai hubungan Dr. Mahathir-Anwar, beliau berkata, itu adalah masalah mereka dan tidak bercadang untuk komen panjang.

“Lagi pula mana ada logiknya seorang yang tidak memiliki kuasa dan media massa seperti saya boleh mencetuskan khabar angin yang begitu hebat?”

Mengenai prestasinya semasa menjadi Menteri Kewangan beliau berkata, berdasarkan perangkaan-perangkaan dalam laporan ekonomi negara dan laporan ekonomi Kementerian Kewangan, kadar pertumbuhan negara jauh lebih baik daripada sekarang.

“Di zaman saya ekonomi tidaklah seburuk seperti yang digembar gemburkan. Tahun pertama saya jadi Menteri Kewangan pada tahun 1976, pertumbuhan ekonomi negara mencapai angka 11.6 peratus, malah dalam tempoh lima tahun antara 1976 ke 1980 purata pertumbuhan ekonomi negara ialah 8.6 peratus,” katanya.

Mengenai soal hutang negara yang dikatakan ‘bertimbun-timbun’ di zamannya, beliau turut menyalahkan Dr. Mahathir yang menjadi punca terhadap masalah itu, kerana katanya, negara berhutang adalah atas persetujuan kabinet yang diterajui Dr. Mahathir.

Tengku Razaleigh juga mendakwa bahawa beban hutang negara bertambah setelah beliau meninggalkan kabinet.

“Bagi saya selaran dan tuduhan itu, adalah tanda pilihanraya sudah hampir. Setiap kali pilihanraya pemimpin yang berkuasa akan menggunakan taktik lamanya” katanya.